

PEMANTAUAN NAZIRAN

1. Pemantauan dilakukan ke atas aspek pengurusan pendidikan seperti berikut:

1.1 Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah

- 1.1.1 Pendaftaran Sekolah
- 1.1.2 Pengurusan Organisasi
- 1.1.3 Pengurusan Pejabat
- 1.1.4 Pengurusan Rekod dan Maklumat
- 1.1.5 Pembangunan dan Baik Pulih
- 1.1.6 Pengurusan aset

1.2 Pentadbiran dan Pengurusan Kurikulum

- 1.2.1 Pengurusan Bahan Kurikulum
- 1.2.2 Rekod Pengajaran Dan Pembelajaran
- 1.2.3 Guru Mengajar / Guru Hafazan
- 1.2.4 Pengurusan Panitia
- 1.2.5 Semakan Buku Latihan
- 1.2.6 Pengurusan Jadual Waktu & Guru Ganti
- 1.2.7 Pengurusan Peperiksaan
- 1.2.8 Pengurusan Kelas Musa'adah

1.3 Pengurusan Hal Ehwal Murid

- 1.3.1 Jadual Kedatangan Murid
- 1.3.2 Pengurusan Disiplin
- 1.3.3 Hal Ehwal Murid Sekolah Islam Swasta / Persendirian

1.4 Pengurusan Kokurikulum

1.5 Pengurusan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)

1.6 Pengurusan Kantin Sekolah

1.7 Pengurusan Kewangan Sekolah

- 1.7.1 Akaun Sumbangan Wang Awam (SUWA)
- 1.7.2 Akauan Kumpulan Wang Kerajaan (KWK)
- 1.7.3 Bayaran Makan SRAI
- 1.7.4 Kewangan Asrama

- 1.8 Pengurusan Kawalan Keselamatan
- 1.9 Pengurusan Kebersihan Bangunan dan Kawasan
- 1.10 Pengurusan dan Pentadbiran Asrama

2. **Jenis-Jenis Pemantauan** yang dijalankan :

- 2.1 Pemantauan Bersepadu – Pemantauan menyeluruh terhadap hal ehwal pendidikan yang dijalankan oleh Pasukan Pemantau Zon di sesebuah sekolah pada hari dan masa yang ditetapkan.

- 2.2 Pemantauan Berpusat – Pemantauan khusus terhadap aspek Pengurusan Kewangan atau aspek lain oleh pegawai pemantau yang dilantik ke atas semua sekolah di sesebuah daerah dalam masa yang ditetapkan.

- 2.3 Pemantauan Individu –
 - 2.3.1 Pemantauan secara individu oleh pegawai di Sektor Pengurusan Naziran dan Penyelia Naziran di Pejabat Agama Islam Daerah dalam masa tertentu di sekolah.
 - 2.3.2 Pemantauan secara individu yang dijalankan oleh Penyelia KAFA Negeri dan Daerah di KAFAl yang ditetapkan (menggunakan instrument pemantauan JAKIM)

- 2.4 Pemantauan Khas – Pemantauan yang dijalankan oleh pegawai/nazir atas arahan Ketua Jabatan (seperti Aduan Pelanggan, Pemantauan Peperiksaan, Pemantauan Minggu Pertama dan lain-lain)

- 2.5 Pemantauan Bertema – Pemantauan yang dijalankan oleh pasukan penilai yang dilantik untuk menjayakan sesuatu program seperti Sekolah Cemerlang, Standard Kualiti Pendidikan JAIS, Guru Besar Cemerlang dan lain-lain.

- 2.6 Pemantauan Semula – pemantauan yang dijalankan oleh pegawai / nazir / Penyelia naziran ke sekolah berdasarkan dapatan pemantauan terdahulu

di tahap lemah (di bawah 40%) atau maklumat dan data sekolah tidak lengkap.